

06/07/2001

Hishammuddin diminta tangani isu guna bola takraw Thailand

Halmi Samad

KUALA LUMPUR, Khamis - Pengeluar bola takraw jenama tempatan, Gajah Emas, meminta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein campur tangan bagi menyelesaikan permasalahan yang disifatkan sebagai 'menggadaikan maruah negara'.

Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, berkata hanya itu jalan penyelesaian paling berkesan selepas Majlis Olimpik Malaysia (MOM) gagal menangani isu berkenaan dengan bijak.

"Hari ini saya dimaklumkan MOM mendakwa bola Marathon keluaran Thailand menepati syarat pertandingan yang ditetapkan badan induk itu. Soalnya, adakah temasya Sukan Sea diadakan di Bangkok.

"Saya percaya semua rakyat negara ini tahu Sukan Sea diadakan di Kuala Lumpur. Jadi kenapa perkara ini boleh berlaku. Oleh itu, saya minta Hishammuddin campur tangan.

"Soal ini ada kaitan dengan maruah negara dan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang selama ini meminta semua rakyat membeli barang tempatan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Keputusan pemilihan Marathon sebagai bola rasmi Sukan Sea, yang sudah dimaklumkan kepada MOM menerusi surat dikemukakan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf), menimbulkan kontroversi kerana Malaysia juga mengeluarkan bola takraw yang diakui pada peringkat antarabangsa.

Bola Gajah Emas sebelum ini pernah digunakan sebagai bola rasmi di Sukan Asia ke-9 di New Delhi 1982; Sukan Sea 1981 di Manila; Singapura (1983); Jakarta (1987) dan Kuala Lumpur (1989).

Selain itu, pemilik Marathon Thailand Co Ltd, pengeluar bola jenama Marathon yang dipilih bola takraw rasmi Sukan Sea, Boonchai Lorhpipat, selain rakyat Thailand, ialah bendahari dan ahli majlis Istaf.

Sukan sepak takraw di negara ini sering mengundang kontroversi khususnya prestasi skuad negara di Sukan Sea, selain isu penagihan ganja di kalangan pemain.

Malaysia gagal meraih pingat emas pada temasya dwitahunan itu di Brunei pada 1999, apabila tewas kepada Thailand dalam acara berpasukan dan regu.

Lim yang terkilan dengan cara MOM bertindak berkata, pihaknya bersedia menemui Hishammuddin atau mana-mana pihak bagi menjelaskan keadaan sebenar berhubung isu itu kerana 'ia penting untuk maruah Malaysia'.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Sieh Kok Chi, berkata pihaknya tidak pernah menjadi 'pak turut' dalam menangani isu berkenaan kerana pengeluar Marathon sudah mendapat perakuan Istaf.

"Tidak timbul isu hak tuan rumah atau tidak mengutamakan barang tempatan kerana keputusan dibuat berdasarkan peraturan pemilihan barang dan peralatan rasmi temasya seperti ditetapkan," katanya selepas menerima tajaan bola rasmi dan peralatan pertandingan Sukan Sea XXI daripada Asia Pacific Sports Sdn Bhd di Majlis Sukan Negara (MSN), hari ini.

(END)